

25 SEP 1996

Pekerja-Bangladesh

JANGAN PANDANG SERONG KESELURUHAN TENAGA KERJA BANGLADESH, KATA ABUL HASAN

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kelakuan buruk sesetengah pekerja Bangladesh tidak sepatutnya dianggap sebagai menggambarkan perilaku keseluruhan tenaga kerja dari negara itu yang berada di Malaysia, kata Timbalan Menteri Bangladesh Abul Hasan Chowdhury hari ini.

"Apabila negara anda mempunyai penduduk yang ramai, sudah tentunya akan ada seorang dua yang berkelakuan buruk... tetapi janganlah ia membayangi perilaku keseluruhan tenaga kerja Bangladesh di sini," katanya.

Beliau memberitahu demikian kepada pemberita selepas menghadiri ceramah pada jamuan tengah hari mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di Bangladesh anjuran Dewan Perdagangan Kebangsaan Malaysia, di sini.

Abul Hasan berkata majoriti pekerja Bangladesh di negara ini rajin, teliti dan kebanyakannya gembira berada di sini.

"Jika seorang daripada mereka gagal dalam pencapaian mereka ia tidak seharusnya merosakkan pandangan terhadap majoriti mereka yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara ini dan semangat inilah yang kita mahu teruskan," katanya.

Lawatan empat hari Abul Hasan yang bermula pada Isnin secara kebetulan ketika kritikan sedang hangat ditujukan terhadap pekerja Bangladesh yang dipersalahkan menjadi punca pelbagai masalah sosial di negara ini.

Beliau juga ditanya sama ada sebarang mesyuarat khas akan diadakan dengan kerajaan Malaysia untuk menangani isu ini.

"Sama sekali tidak. Kita melihat perhubungan kita secara keseluruhannya dan kita mempunyai hubungan yang amat baik dan saya percaya bahawa persahabatan ini akan dipereratkan," katanya.

Ditanya apakah masalah yang dibangkitkan oleh para pekerja Bangladesh di sini, beliau berkata: "Tujuan kita di sini untuk meredakan sebarang kemarahan. Saya rasa tiada gunanya saya memperkatakannya secara terperinci."

Mengulas pertemuannya dengan beberapa menteri dan timbalan menteri semalam, Abul Hasan berkata mereka membincangkan pelbagai isu termasuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan pekerja Bangladesh.

"Saya amat berterima kasih kepada mereka kerana penilaian mereka terhadap keadaan pekerja Bangladesh keseluruhannya sependapat dengan kami," katanya.

Semalam beliau mengadakan perbincangan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Abul Hasan juga berkata Bangladesh mengikuti pembangunan Malaysia dengan penuh minat dan nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat dikenali di negaranya kerana usahanya menjayakan wawasan kemajuan dan kemakmuran. -- BERNAMA

MAM RON